

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 June 2015

Pelbagai tafsiran pecahkan kekuatan umat Islam – Dr. Mahathir

KOTA KINABALU 6 Jun - Umat Islam pada hari ini dilihat terperangkap dengan pelbagai tafsiran yang akhirnya memakan diri sendiri sehingga memecahbelahkan perpaduan dan kekuatan dalam agama.

Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekoran daripada perbezaan tafsiran, umat Islam bermusuhan sesama sendiri dan menjadi berpuak-puak.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kesilapan tersebut menyebabkan ummah menjadi lemah seterusnya membuka peluang kepada musuh untuk mengambil kesempatan daripada keretakan yang berlaku dalam kalangan umat Islam.

“Seharusnya umat Islam menerima perbezaan yang sedikit dan tidak bertindak melampau sehingga berperang sesama sendiri.

“Umat Islam menyedari perkara tersebut, namun masih bertindak menyalahkan hasutan yang

berlaku dalam Islam. Namun persoalannya kenapa membenarkan diri kita mudah dihasut,” katanya ketika berucap dalam majlis Amanat Dakwah Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena mesyuarat agung tahunan Perkim ke-54, di sini hari ini.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, umat Islam seharusnya bersatu padu dan menjadikan agama sebagai kekuatan dalam mengembangkan ajaran Islam dan bukan berpecah kerana tafsiran yang pelbagai.

Beliau berkata, jangan jadikan ketaatan kepada seseorang pemimpin sehingga sanggup berpecah belah serta bergaduh kerana perbezaan dalam agama.

Jelasnya, kejadian di Asia Barat dan beberapa buah negara Islam lain seharusnya dijadikan panduan dan teladan apabila pergaduhan sesama sendiri menyebabkan



MAHATHIR MOHAMAD

umat Islam menderita, malah terpaksa melarikan diri dari negara sendiri bagi mendapatkan pertolongan.

Katanya, perbuatan umat Islam sendiri dalam mencetuskan peperangan sesama sendiri ekoran tafsiran pendapat yang berlainan seharusnya dielakkan, sebaliknya

berusaha merapatkan hubungan kerana semua umat Islam adalah bersaudara.

Sementara itu katanya, pendekatan dalam menyebarkan ajaran Islam juga harus

dilaksanakan secara hikmah dan bukannya secara keras sehingga menyebabkan orang bukan Islam memandang serong.

“Kita tidak mahu orang luar melihat Islam sebagai agama yang bengis dan dilaksanakan secara keras, sebaliknya berusaha menunjukkan bahawa Islam adalah agama keamanan,” katanya.

Um-7/6/2015